

27 DEC 1997

CUEPACS-Gaji

CUEPACS SERAH STRUKTUR BARU GAJI KAKITANGAN AWAM FEBRUARI DEPAN

KOTA BAHARU, 27 Dis (Bernama) -- Kongres Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) akan menyerahkan cadangan baru struktur gaji kakitangan awam kepada kerajaan pada Februari depan.

Timbalan Presidennya, Mohd Yusof Harmanshah berkata buat masa ini kertas cadangan itu masih di peringkat penelitian dan dijangka siap sepenuhnya sedikit masa lagi.

"Dalam cadangan itu juga kita masukkan sama cadangan untuk menghapuskan Skim Saraan Baru (SSB) yang dilaksanakan sekarang," katanya kepada pemberita selepas perasmian Persidangan Perwakilan Dwitahunan Kesatuan Kebangsaan Pihak Berkuasa Tempatan (Anulae) Ke-17 di sini, hari ini.

Menurutnya, di bawah SSB yang dilaksanakan sekarang, kakitangan awam mempunyai tiga tanggagaji iaitu P1, P2 dan P3.

"Tetapi dengan struktur baru ini, kita mahu hanya satu tanggagaji sahaja yang berakhir dengan maksimum P3 untuk semua kategori," katanya.

Katanya, dalam laporan itu juga pergerakan kenaikan gaji secara mendatar, menegak dan melintang dicadang dihapuskan kerana menimbulkan banyak kegelisahan di kalangan kakitangan awam.

Katanya Cuepacs juga mencadangkan supaya majlis bagi meraikan kakitangan yang mendapat anugerah khidmat cemerlang dihapuskan kerana ia dianggap membazir.

Sementara itu Presiden Anulea Abdul Rahman Kadir yang ditemui di majlis yang sama mengucapkan terima kasih kepada kerajaan yang tidak menolak cadangan kesatuannya berhubung formula baru pencen dan pertambahan elaun perumahan daripada RM90 kepada RM230.

Beliau berkata dalam pertemuan dengan kesatuan baru-baru ini Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengarahkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) supaya membuat penelitian terhadap cadangan itu. --
BERNAMA

MNR oba